

Nama : ..... Kelas : .....



فَرِسْيَنَدْ عَزْ قَعْنَوْدَ اَرْجَلْيَنْبَرْ قَعْنَوْدَ  
مُعْهَدْ كَاجَانْ سِكُولْ بِمَنْغَوْنْ كَامْ (عَرَبْ) بِنْوَانْ  
يَا يَاسِنْ اِسْلَامْ كَلْنَتْ



1249/1  
Sejarah  
September  
2024  
1 jam

PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
TAHUN 2024 M / 1446 H

SEJARAH  
KERTAS 1

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Kertas jawapan objektif hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **12** halaman bercetak

**SULIT**

PERCUBAAN SPM YIK SEJARAH K1

©2024 HAK CIPTA PERSIDANGAN PENGETUA YIK

[LIHAT HALAMAN SEBELAH  
 CamScanner

- 1 Apakah ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu?
  - A Kerajaan
  - B Lambang
  - C Kedaulatan
  - D Undang-undang
  
- 2 Amalan berikut adalah amalan rakyat kerajaan Srivijaya.
 

Rakyat meminum air sumpah yang dialirkan dari Inskripsi Telaga Batu
  
- Apakah faktor mereka berbuat demikian?
  - A Membuktikan kesetiaan
  - B Memperakui pemerintahan
  - C Mengagungkan pemerintah
  - D Mengangkat kedudukan raja
  
- 3 Apakah idea yang diutarakan dalam karya *Two Treatises of Government* yang dihasilkan oleh John Locke?
  - A Menghapuskan sistem feudal
  - B Mengekalkan kuasa raja tradisional
  - C Mengukuhkan pemerintahan monarki
  - D Menolak konsep raja berkuasa mutlak
  
- 4 Bagaimanakah nasionalis di Filipina berjaya mengusir Sepanyol dari negara mereka?
  - A Bekerjasama dengan Amerika Syarikat
  - B Melaksanakan Gerakan propaganda
  - C Bergabung dengan Parti Komunis
  - D Menubuhkan Parti Nasionalis
  
- 5 Bagaimanakah Perang Dunia Kedua (1939 – 1941) bermula di Eropah?
  - A Rusia menduduki Berlin
  - B Itali menceroboh Perancis
  - C Jerman menyerang Poland
  - D Austria mengancam Serbia

**SULIT**

PERCUBAAN SPM YIK K1

- 6 Apakah kesan penggunaan "wang pokok pisang" di Tanah Melayu?
- A Pengeluaran barang bertambah
  - B Percetakan wang tanpa kawalan
  - C Mempercepatkan urusan jual beli
  - D Peningkatan kegiatan perdagangan
- 7 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menunjukkan penentangan terhadap Malayan Union?
- A Mengajurkan Kongres Melayu
  - B Membawa kes ke Mahkamah Tinggi England
  - C Menyuarkan bantahan dengan menulis di akhbar
  - D Mengetuai tunjuk perasaan yang diadakan di bandar besar
- 8 Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan isu penyerahan Sarawak telah dibawa ke Majlis Negeri untuk diundi.  
Apakah keputusan Majlis Negeri?
- A Golongan penentang penyerahan kalah 16 undi
  - B Golongan propenyerahan kalah 19 undi
  - C Golongan propenyerahan menang 19 undi
  - D Golongan penentang penyerahan menang 19 undi
- 9 Siapakah pegawai tinggi British yang menyokong pembentukan Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- I K.K.O' Connor
  - II Rees Williams
  - III Sir Ralph Hone
  - IV Theodore Adams
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

10 Apakah kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang menggantikan Malayan Union?


- A Hak istimewa orang Melayu di Tanah Melayu dikekalkan
- B Penyerahan kuasa British kepada pemerintah tempatan
- C Raja-raja Melayu menjadi pemerintah berkuasa mutlak
- D Tanah Melayu menjadi hak mutlak orang Melayu

11 British memperkasakan pasukan keselamatan tempatan untuk membanteras kegiatan komunis.

Apakah tugas pasukan Polis Hutan?

- A Memusnahkan kem komunis dalam hutan
- B Menjadi barisan hadapan menghadapi PKM
- C Membuat penyusupan dalam organisasi PKM
- D Membawa bekalan makanan kepada pasukan bertugas

12 Gambar di bawah menunjukkan tindakan komunis di Tanah Melayu.



Mengapakah komunis bertindak demikian?

- A Menakutkan British
- B Mengukuhkan ideologi
- C Melumpuhkan ekonomi
- D Mengancam penduduk

- 13 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan menyelesaikan pelbagai isu yang melibatkan pertikaian antara kaum.

Apakah kesan daripada cadangan CLC agar penubuhan agensi untuk meningkatkan ekonomi orang melayu?


- A Penubuhan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
- B Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa
- C Kewujudan Kementerian Pembangunan Luar Bandar
- D Kewujudan Lembaga Kemajuan Ikan Negara

- 14 Sistem Ahli diperkenalkan selaras dengan dasar dekolonisasi kerajaan British selepas Perang Dunia Kedua.

Apakah kepentingan Sistem Ahli?

- A Menentukan kemerdekaan mendapat sokongan penuh rakyat
- B Membolehkan usaha kearah persediaan menyambut kemerdekaan
- C Memudahkan pembentukan perlombagaan negara merdeka
- D Menyediakan pengetahuan dalam bidang perundangan

- 15 Rajah berikut menunjukkan proses pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.



Apakah X?


- A Penyata bentuk Pilihan Raya dikeluarkan
- B Jawatankuasa Pilihan Raya dibentuk
- C Pelaksanaan pendaftaran pengundi
- D Penubuhan Suruhanjaya Penentuan Sempadan Kawasan

- 16 Apakah pengajaran yang dapat diambil daripada pembentukan Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu selepas Pilihan Raya Umum 1955?

- A Menguruskan negara sendiri
- B Perkongsian kuasa antara kaum
- C Dasar dekolonisasi penjajah British
- D Persediaan kearah berkerajaan sendiri

**SULIT**

- 17 Rajah menunjukkan perjalanan rombongan kemerdekaan yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman.



Mengapakah Tunku Abdul Rahman menggunakan kapal laut dari Singapura ke Karachi?

- A Menyusun strategi berunding dengan British
  - B Mengadakan pertemuan dengan Presiden India
  - C Mendapatkan persetujuan wakil Pakistan
  - D Mendapatkan sokongan negara serantau
- 18 Bagaimanakah Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu merangka asas perlembagaan negara kita?
- I Mengambil kira semangat kenegerian
  - II Menjalankan aktiviti menyebar luas maklumat
  - III Mempertimbangkan isu kepelbagaian kaum
  - IV Meneliti memorandum pelbagai pihak
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 19 Apakah kementerian yang meninjau pendapat rakyat mengenai bunga yang sesuai sebagai bunga kebangsaan?
- A Kementerian Buruh
  - B Kementerian Pertanian
  - C Kementerian Pelajaran
  - D Kementerian Dalam Negeri

- 20 Apakah bukti yang menunjukkan negara kita bebas daripada penjajahan British?
- A Pemilihan Jata Negara
  - B Penciptaan lagu Negaraku
  - C Bendera Union Jack diturunkan
  - D Rombongan kemerdekaan ke London
- 21 Mengapakah negara berdaulat perlu mempunyai sempadan yang jelas?
- A Menyekat pencerobohan
  - B Membina kubu pertahanan
  - C Memudahkan pemerintahan
  - D Mengenal pasti penduduk asal
- 22 Mengapakah kerajaan melaksanakan usaha berikut?
- Mewajibkan mata pelajaran Sejarah
  - Menganjurkan sambutan Hari Pahlawan
- A Mengelakkan perpaduan
  - B Mengukuhkan pertahanan
  - C Mewujudkan kestabilan politik
  - D Memupuk semangat patriotisme
- 23 Manakah menyatakan tentang perlembagaan?
- A Undang-undang tertinggi
  - B Undang-undang bertulis
  - C Undang-undang Yunani
  - D Undang-undang moden

24 Maklumat berikut berkaitan dengan asas pembentukan perlembagaan.

Proses	Kesan
Pindaan Perlembagaan Persekutuan 1963	Pembentukan X

Apakah X?

- A Majlis Raja-Raja
- B Jawatan Ketua Menteri
- C Mahkamah Tinggi Borneo
- D Jawatan Yang di-Pertuan Agong

25 Apakah status Raja-raja Melayu di negeri baginda semasa pendudukan Jepun?

- A Ketua keselamatan dan keamanan
- B Ketua hal ehwal agama Islam
- C Ketua pentadbir negeri
- D Ketua hakim

26 Apakah fungsi Majlis Raja-Raja selepas merdeka?

- I Memperkenan pindaan perlembagaan
- II Melantik Perdana Menteri
- III Membubarkan parlimen
- IV Menjadi rujukan dalam perubahan dasar

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 27 Apakah kepentingan peranan Kerajaan Tempatan dalam sistem kerajaan hari ini?
- A Menggubal undang-undang tempatan
  - B Melaksanakan arahan kerajaan negeri
  - C Menjayakan program kerajaan persekutuan
  - D Menjadi perantara kerajaan negeri dengan rakyat
- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan Taman Negara di Sarawak dan Sabah.

Lokasi	Taman Negara
Sabah	Taman Negara Kinabalu
Sarawak	Taman Negara Mulu

- Apakah keistimewaan taman negara tersebut?
- A Petempatan awal manusia
  - B Kaya dengan flora dan fauna
  - C Tapak Warisan Dunia UNESCO
  - D Hasil Kerjasama Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri
- 29 Konsep Melayu Raya merupakan idea gagasan Malaysia yang diperjuangkan oleh gerakan nasionalisme sebelum Perang Dunia Kedua.  
Apakah matlamat yang hendak dicapai melalui Melayu Raya?
- A Penyatuan Tanah Melayu dengan Indonesia
  - B Persekutuan Malaysia tanpa Singapura
  - C Penyatuan Sarawak dan Sabah dengan Brunei
  - D Penyatuan semua bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara
- 30 Satu referendum diadakan di Singapura pada awal September 1962.  
Mengapakah diadakan referendum tersebut?
- A Menambah penyertaan Singapura dalam Malaysia
  - B Menyatakan pilihan Singapura menyertai Malaysia
  - C Menuntut kemerdekaan Singapura
  - D Memilih pemimpin

31 Apakah persetujuan yang dicapai dalam Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia pada awal Ogos 1965?

- A Rancangan pemisahan Singapura
- B Rancangan pembatalan konsep Melayu Raya
- C Rancangan penubuhan Persekutuan Malaysia
- D Rancangan menamatkan konfrontasi dengan Indonesia

32 Berikut adalah operasi ketenteraan yang dijalankan di Sarawak.

- Operasi Hammer
- Operasi RASCOM
- Operasi Sri Aman

Apakah matlamat operasi tersebut?

- A Mengadakan Latihan tentera
- B Membuka tanah hutan
- C Mengawal sempadan
- D Membanters komunis

33 Gambar berikut adalah logo Dasar 1 Murid 1 Sukan?



Mengapa dasar tersebut diperkenalkan?

- A Membina modal insan
- B Memperkasa integrasi nasional
- C Memupuk semangat setia kawan
- D Memantapkan sistem pendidikan

- 34 Apakah peristiwa yang mendorong kerajaan untuk membentuk Rukun Negara?
- A Rusuhan kaum
  - B Ancaman komunis
  - C Pemisahan Singapura
  - D Konfrontasi Indonesia
- 35 Dasar penswastaan telah dilancarkan oleh Tun Dr. Mahathir Mohammad, Perdana Menteri Malaysia keempat pada bulan Mac 1983.  
Apakah tujuan dasar penswastaan?
- A Memberi kontrak kepada bumiputera
  - B Meningkatkan produktiviti dan kualiti
  - C Membentuk masyarakat penyayang
  - D Menyusun semula masyarakat
- 36 Pusat Latihan Kemahiran Giatmara dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) ditubuhkan di bawah Dasar Pembangunan Nasional (DPN).  
Apakah tujuan penubuhan institut tersebut?
- A Mempelbagaikan kegiatan ekonomi
  - B Meningkatkan pasaran tenaga kerja
  - C Melahirkan pekerja berkemahiran tinggi
  - D Menghapuskan keciciran dalam pendidikan
- 37 Malaysia telah menyertai Rancangan Colombo di bawah Komanwel.  
Apakah manfaat yang diperoleh daripada penyertaan tersebut?
- A Kemudahan kredit
  - B Biasiswa kepada pelajar
  - C Penurunan tarif perdagangan
  - D Bantuan program Latihan teknikal

- 38 ASEAN turut melaksanakan kerjasama sosial dalam kalangan negara anggotanya. Antara berikut, yang manakah kerjasama sosial yang melibatkan Malaysia?
- I RECSAM
  - II SEAMEO
  - III Rancangan Colombo
  - IV Penentangan Dasar Apartheid
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 39 Bagaimakah isu tuntutan terhadap Pulau Batu Putih diselesaikan?
- A Tindakan ketenteraan
  - B Mahkamah antarabangsa
  - C Rundingan antara pemimpin
  - D Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
- 40 Mengapakah Malaysia membangkitkan isu penerokaan terhadap Antartika?
- A Pencairan salji
  - B Pemeliharaan alam sekitar
  - C Dominasi negara maju
  - D Kepentingan penduduk Antartika

**KERTAS SOALAN TAMAT**